

UMS antara 4 universiti dipilih jalani audit

Stephanie Lee 02 06-03-2012 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dipilih sebagai salah sebuah daripada empat institut pengajian tinggi di negara ini untuk menjalani pengauditan untuk mengukur sejauh mana persediaannya untuk autonomi.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, audit ini adalah sebahagian daripada fasa kedua persediaan autonomi Indeks Pengurusan Baik Universiti (UGGI) itu.

Ini adalah sejajar dengan afasa kedua pelan tindakan indtitusi pengajian tinggi (Projek Agenda Kritikal), seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ke-10 pada Jun 2010," jelas beliau.

"Apa yang penting bukan sahaja universiti itu perlu mempunyai pengurusan terbaik tetapi juga integriti bertaraf tinggi, selari dengan konsep pengurusan kemanusiaan."

Pengumuman itu, tambahnya, adalah komitmen daripada kerajaan dalam pemberian status autonomi kepada universiti yang layak, supaya ia boleh mencapai standard dan pencapaian setara dengan institut-institut terbaik di dunia.

Kamaruzaman berkata demikian ketika melancarkan Bulan Integriti universiti itu di Perpustakaan UMS pada Isnin.

Terdapat empat aspek yang akan diaudit di bawah UGGI, jelas beliau, iaitu, penguru-

san institusi, kewangan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan akademik.

Katanya, antara faktor yang akan menyumbang kepada kejayaan audit dan UGGI ini termasuk sokongan dan komitmen berterusan terhadap Kementerian Pengajian Tinggi, institut-institut pengajian tinggi dan agensi-agensi pusat.

"Universiti dan komuniti dalaman mereka harus berpegang kepada prinsip-prinsip asas seperti tahap' kebertanggungjawaban dan integriti yang tinggi, mempunyai sistem pengurusan yang bersistematik dan terurus dengan baik, serta kebolehan untuk mengendalikannya dan menerima perubahan berkaitan universiti dan institusi itu sendiri," jelas beliau.

Dalam soal itu, Kamaruzaman juga berkata, bulan integriti yang diperkenalkan itu adalah sebagai menyahut saranan Perdana Menteri berhubung pemupukan dan pengiktirafan terhadap integriti serta nilai-nilainya dalam setiap badan, jabatan dan agensi di negara ini.

"Penjawat awam adalah penjaga kepentingan awam. Dengan itu jika kita tidak mempunyai tahap integriti yang tinggi, kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kita akan lenyap.

"Sebagai konuniti UMS, kita harus sentiasa dinamik dan fleksibel selain mengamalkan dan memiliki integriti," tekan beliau.